

BESTARI

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 8269
E-MAIL: lahaj@metro.com.my



SELANGKAH KE ALAM 'U'

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Minggu lalu menyaksikan ribuan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendaftar untuk program di Pusat Asasi di universiti awam (UA) terpilih.

Ramai dalam kalangan pelajar cemerlang memohon masuk ke Pusat Asasi, mungkin kerana suasana pembelajaran sudah seakan-akan di universiti berikutan lokasi pengajian di dalam kampus.

Ini menyebabkan mereka teruja untuk kerana ramai yang beranggapan

selepas tamat pengajian Asasi, mereka boleh terus melanjutkan pengajian di universiti sama untuk pengajian di peringkat ijazah sarjana muda.

Terdapat 12 UA menawarkan program pengajian Asasi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Peralihan daripada berstatus pelajar sekolah kepada mahasiswa yang terlalu drastik memerlukan satu mekanisme atau cara betul dan sesuai untuk mengharungi perubahan status itu supaya perlakuan serta tabiat ketika berada di alam persekolahan tidak dibawa 100 peratus ke alam kampus.

Ini kerana secara keseluruhannya alam universiti dan alam persekolahan itu terlalu banyak perbezaannya.